

PENGUASAAN EKONOMI KEDAH OLEH TENTERA JEPUN
SEMASA PERANG DUNIA KEDUA, 1941-1945

AZAHAR RASWAN DEAN BIN WAN



ARKIB

PENGUASAAN EKONOMI KEDAH OLEH TENTERA JEPUN
SEMASA PERANG DUNIA KEDUA, 1941 - 1945

OLEH

AZAHAR RASWAN DEAN BIN WAN DIN

LATIHAN ILMIAH UNTUK MEMENUHI SERAHAGIAN
DARIPADA SYARAT IJAZAH SARJANA MUDA SASTERA
DENGAN KEPUJIAN PUSAT PENGAJIAN ILMU KEWANUSIAAN

UNIVERSITI SAING MALAYSIA
PULAU PINANG
1984.

KANDUNGAN

Mukasurat

Penghargaan	1
Pengenalan	2
Bab I: Negeri Kedah Di bawah Pentadbiran Tentera Jepun, Disember 1941 - Oktober 1943.	8
Bab II: Perpindahan Negeri Kedah kepada Pentadbiran Thai, 19 Oktober 1943.	34
Bab III:Penguasaan Ekonomi Kedah Oleh Kaisha Jepun Semasa Pentadbiran Thai, Oktober 1943 - Ogos 1945	55
Penutup	95
Lampiran	98
Bibliografi	108

PENGHARGAAN

Dalam menyiapkan kajian ini saya sangat terhutang budi dan berterima kasih kepada penyelia saya, Dr. Cheah Boon Kheng, kerana kesabarannya semasa memberi bimbingan dan nasihat. Saya memohon maaf kepadanya kerana menimbulkan berbagai masalah semasa menjalankan kajian ini.

Saya mengucapkan terima kasih kepada kakitangan Arkib Negara Malaysia di Alur Setar dan Kuala Lumpur, Perpustakaan Universiti Sains Malaysia, Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah, dan Muzium Negeri Kedah kerana bantuan dan kerjasama yang diberikan semasa saya menjalankan penyelidikan. Saya juga berterima kasih kepada Tan Sri Mohamed Jamil kerana sudi melayan soalan yang dikemukakan kepadanya semasa ditemubual.

Akhirnya, saya menyampaikan kasih sayang kepada isteri dan anak-anak saya kerana bersabar dan memahami masalah yang saya hadapi semasa menulis kajian ini.

PENGENALAN

Yoji Akashi telah menarik perhatian kita kepada satu kekosongan dalam pemsejarahan Malaysia mengenai zaman Pendudukan Jepun :

The study of this period of Malaysian history has not received the scholarly attention that it deserves... Not only has no general history of the Japanese Occupation been written, but also no study of the Japanese military administration at the state level (apart from B.A. exercises) has been undertaken. This leaves a wide lacuna in the historiography of modern Malaysia.¹

-
1. Yoji Akashi, "The Japanese Occupation of Melaka, January 1942-August 1945", dalam Melaka : The Transformation of a Malay Capital c. 1400-1980, Jil. 1, disunting oleh Kernal Singh Sandhu dan Paul Wheatley, 1983, m. 365. Akashi merupakan penulis yang prolifik dalam bidang Pendudukan Jepun di Tanah Melayu. Tulisannya yang lain termasuk "Japanese Military Administration in Malaya - its formation and evolution in reference to Sultans, the Islamic religion, and the Moslem-Malays", Asian Studies, 7(1) April 1969, mm. 81-110; "Japanese Policy toward the Malayan Chinese 1941-1945", Journal of Southeast Asian Studies, 1(2), September 1970, mm. 61-89; "The Koa Kunrenjo, 1942-45 : A case study of cultural propagation and conflict under the Japanese Occupation of Malaya", Conference on Southeast Asian Studies, Kota Kinabalu, 22-26 November 1977, mm. 187-215; "The Japanese Occupation of Malaya : Interruption or Transformation?", dalam Southeast Asia under Japanese Occupation, disunting oleh Alfred W. McCoy, 1980, mm. 65-90; dan "Bureaucracy and the Japanese Military Administration with special reference to Malaya", dalam Japan in Asia 1942-1945, disunting oleh William H. Newell, 1981, mm. 46-82.

Walaupun saya mengaku bahawa kenyataan ini adalah benar, saya ingin menerangkan mengapa kajian ini merupakan satu lagi latihan ilmiah yang menumpukan perhatian kepada zaman Pendudukan Jepun di peringkat negeri.

Setakat ini tidak banyak penulisan mengenai Pendudukan Jepun di Semenanjung Malaysia telah mengkaji pengalaman Negeri-negeri Melayu Utara - Perlis, Kedah, Kelantan dan Terengganu - selepas mereka dipisahkan dari negeri-negeri Semenanjung yang lain dan "dipindahkan" kepada Negeri Thai pada Oktober 1943. Oleh kerana demikian, kajian ini bertujuan menumpukan perhatian kepada pengalaman sebuah Negeri Melayu Utara, iaitu Negeri Kedah, selepas perombakan sempadan politik Tanah Melayu itu kerana zaman Pentadbiran Thai jarang sekali mendapat perhatian mendalam. Lagi pun saya berpendapat bahawa sebelum kita bolch menulis sebuah sejarah umum mengenai Pendudukan Jepun di Tanah Melayu seperti yang diharapkan oleh Akashi, kita mesti mempunyai kajian yang cukup mengenai tajuk itu di peringkat negeri.

Setakat diketahui tidak ada kajian mengenai Pendudukan Jepun di Perlis, dan Terengganu. Bagi Kelantan terdapat dua kajian, satu latihan ilmiah dan satu kertas kerja yang dibentangkan di Kongres Sejarah Malaysia 1978.²

2. Awang Jaya, "Kelantan di bawah Pemerintahan Jepun (1941-1943) dan Thai (1943-1945)", Latihan ilmiah Universiti Kebangsaan Malaysia, 1977; Nik Anuar Nik Mahmud, "Kelantan Dibawah Pentadbiran Tentera Jepun dan Pentadbiran Tentera Thai, 1941-45", dalam Malaysia : Sejarah dan Proses Pembangunan 1979, nn. 242-67.

Bilangan penulisan mengenai Perang Dunia Kedua di Kedah juga kecil.³ Penulisan mengenai Pendudukan Jepun di Kedah sama ada terhad kepada satu daerah seperti Langkawi,⁴ atau mengkaji aspek tertentu seperti perdagangan padi dan beras,⁵ Pasukan 136,⁶ serangan Jepun,⁷ dan syair sebagai sumber sejarah.⁸ Selain daripada penulisan ringkas mengenai hal pentadbiran,⁹ zaman Pentadbiran Thai tidak diberi perhatian yang mencukupi dalam penulisan mengenai Perang Dunia Kedua di Kedah.

-
- 3. Satu latihan ilmiah mengenai Perang Dunia Kedua telah dihasilkan oleh Siti Rahani Ahmad, "Pendudukan Jepun di Kedah 1942-1945", 1977. Malangnya, naskah kajian ini dalam simpanan Jabatan Sejarah Universiti Kebangsaan Malaysia tidak dibuka untuk rujukan kepada Mahasiswa. Jadi, saya tidak berpeluang membaca kajian ini.
 - 4. Ismail Ibrahim, "Zaman Jepun di Pulau Langkawi 1941-1945", latihan ilmiah Universiti Malaya, 1977. Kajian ini berdasarkan sumber lisan.
 - 5. Lee Say Lee, "A Study of the Rice Trade in Kedah before and during the Japanese Occupation", Malaysia in History, 24, 1981, mm. 109-16. Kajian ini beracaskan sumber lisan dan terhad kepada tempoh masa sebelum Pentadbiran Thai.
 - 6. Foo Ah Hing, "Leftenan Tsang Jan Man Bersama-sama Pasukan 136 di Negeri Kedah semasa Pendudukan Jepun 1943-1945", dalam Tokoh-Tokoh Tempatan, 1982, disunting oleh Cheah Boon Kheng, mm. 31-47.
 - 7. M.A. Fawzi Basri, "Kosaku dan Operasi Matadör; Satu Kajian mengenai Pertempuran Jepun-British di Kedah 1941-1942", dalam Beberapa Aspek Sejarah Kedah, 1983, disunting oleh Khoo Kay Kim, mm. 137-56.
 - 8. Arshard Ibrahim, "Kajian mengenai Syair Kenang-Kenangan Yapsai Taman Penghiburan dan Pendudukan Jepun di Negeri Kedah 1942-1945", mini tesis sejarah Universiti Sains Malaysia, 1982/83.
 - 9. Mohd. Fadzil Hashim, "Sejarah Lisan Tentang Administrasi Thai di Kedah", dalam Cenderamata Minggu Sejarah Kedah, 1975, mm. 18-26. Perang Dunia Kedua turut diberi perhatian oleh Dahruddin Abd. Majid, "Saberka : Pergerakan dan Perjuangannya 1944-56", latihan ilmiah Universiti Malaya, 1975/76.

Turut tidak mendapat perhatian yang sewajarnya dalam kajian mengenai Kelantan dan Kedah ialah penglibatan dan peranan Tentera Jepun dan syarikat Jepun selepas peristiwa "perpindahan". Hanya bekas Perdana Menteri Malaysia, Tunku Abdul Rahman, yang pernah membayangkan apakah keadaan itu apabila dia menulis bahawa :

Kedah was transferred to Thailand but only in name. Thailand sent only a few officials for appearance's sake rather than for an actual takeover.... for in actual fact the Japanese still ran the state, though a Thai government replaced the Japanese one. 10

Pendapat Tunku di atas menjadi titik-tolak kajian ini. Teras kajian ini ialah untuk meninjau sejauh mana Tentera Jepun tetap berperanan, berpengaruh, dan berkuasa sungguhpun Pentadbiran Thai mengambilalih secara rasmi pentadbiran Negeri Kedah. Apakah sifat sebenar "perpindahan" tersebut ? Jika dakwaan Tunku adalah benar, bagaimanakah Tentera Jepun mengekalkan kuasanya selepas Kedah "dipindahkan", dan dari segi apakah corak kawalan Tentera Jepun semasa Pentadbiran Thai berbeza dari zaman Pentadbiran Tentera Jepun ? Apakah sifat perhubungan antara Tentera Jepun dengan Pentadbiran Thai ?

-
10. Tunku Abdul Rahman, As a Matter of Interest, 1981, m. 217. Tunku berkhidmat sebagai Pegawai Daerah Kulim dan kemudiannya di Jabatan Odit semasa Jepun memerintah. Apabila Pentadbiran Thai mengambilalih Kedah, dia bertugas sebagai Penguasa Pelajaran.

Apakah bidang yang dikuasai oleh Tentera Jepun dan apakah pula bidang yang dikuasai oleh Pentadbiran Thai ? Apakah perbezaan kesan Pentadbiran Tentera Jepun dan Pentadbiran Thai kepada penduduk Kedah ? Apakah peranan yang dimainkan oleh pentadbir tempatan di bawah Jepun dan Thai ? Kajian ini akan cuba menjawab persoalan-persoalan seperti di atas, dengan memberikan tumpuan khas kepada ekonomi padi dan beras Kedah.

Bab I kajian ini meninjau keadaan di Negeri Kedah semasa ia berada sepenuhnya di bawah kekuasaan Pentadbiran Tentera Jepun. Tumpuan khas diberikan kepada bagaimana tuntutan terhadap ekonomi Kedah dilaksanakan oleh Tentera Jepun.

Bab II dimulakan dengan kajian sepiantas lalu faktor dan peristiwa yang membawa kepada "perpindahan" Kedah kepada Negeri Thai pada 19 Oktober 1943. Kemudiannya sistem pentadbiran Thai akan dibincangkan, dengan perhatian khas kepada pengagihan kuasa dari Pentadbiran Thai kepada Pentadbiran Kedah.

Bab III cuba menunjukkan bagaimana kepentingan Tentera Jepun dipelihara dan dimajukan semasa zaman Pentadbiran Thai, dan membincangkan berbagai konflik dan tindakbalas yang timbul akibat usaha Tentera Jepun untuk mengawal ekonomi padi dan beras Kedah supaya terus membantu

usaha perang Jepun.

Penyelidikan ini menggunakan bahan bertulis dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris, terutamanya fail Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah bagi tahun-tahun 1942-1946 di Arkib Negara Malaysia, cawangan Alur Setar, yang dibuka buat pertama kalinya untuk penyelidikan pada pertengahan tahun 1983. Malangnya, kerana masalah bahasa dan jarak, bahan bertulis dalam bahasa Jepun dan Thai tidak dapat digunakan. Justeru itu, semestinya kajian ini tidak lengkap dan hanya merupakan penerokaan awal sejarah Pendudukan Jepun di Negeri Kedah.
